

## **Hadis Moderasi Beragama dalam Pancasila sebagai Usaha Mewujudkan Bangsa yang Harmoni**

## **Hadith of Religious Moderation in Pancasila as an Effort to Create a Harmony Nation**

**Mohamad Barmawi<sup>1\*</sup>, Muhammad Uzaer Damairi<sup>2</sup>, Abdur Rahman W<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq (UIN KHAS) Jember, INDONESIA

\*albarmawi1983@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.02.013>

Received 6 October 2021; Accepted 5 November 2021; Available online 31 December 2021

**Abstrak:** Moderasi beragama bermakna menjaga kehidupan bersama secara harmoni dalam kehidupan majmuk yang di dalamnya terdapat ragam perbezaan. Pancasila sebagai sebuah falsafah di Indonesia merupakan usaha yang dilakukan oleh para tokoh untuk menciptakan kehidupan penuh damai dalam bingkai perbezaan. Perumusan ini dibuat kerana Indonesia adalah negara yang di dalamnya terdapat ragam perbezaan, sama ada dalam etnik, budaya, bahasa, bahkan keyakinan. Penduduk yang majoriti beragama Islam, menuntut adanya rumusan yang didasarkan kepada agama, sehingga sangat memungkinkan rumusan-rumusan dalam butir-butir Pancasila tersebut selaras dengan ajaran agama. Dalam kajian yang menggunakan metode kualitatif dan bersifat pustaka ini bertujuan mengungkap sumbangan hadis-hadis moderasi dalam rumusan Pancasila sebagai usaha mewujudkan bangsa yang harmoni. Kajian ini berhasil membuat kesimpulan bahawa rumusan-rumusan yang ada pada butir-butir Pancasila adalah bersesuaian dengan nilai-nilai hadis-hadis tentang moderasi beragama.

**Kata Kunci:** Moderasi, Hadis, Falsafah, Pancasila

**Abstract:** Religious moderation means maintaining a harmonious life together in a pluralistic life in which there are various differences. Pancasila as a philosophy in Indonesia is an effort made by the leaders to create a peaceful life in the frame of difference. This formulation was made because Indonesia is a country in which there are various differences, both in ethnicity, culture, language, and even beliefs. The population, who is predominantly Muslim, demands a formulation based on religion, so it is very possible that the formulations in the Pancasila points are in line with

religious teachings. In a study that uses qualitative and literary methods, it aims to reveal the contribution of moderation traditions in the formulation of Pancasila as an effort to create a harmonious nation. And this study succeeded in making conclusion that the formulations contained in the items of Pancasila are in accordance with the values of the traditions regarding religious moderation.

**Keywords:** Moderation, Hadith, Philosophy, Pancasila

## 1. Pendahuluan

Di antara fenomena yang cukup aktual pada era milenial ini ialah ruang tanpa batas dalam kehidupan umat manusia. Realiti ini berdampak pada semakin kompleksnya kehidupan dan keperluan manusia. Perhubungan antara individu, satu kelompok dengan kelompok lain yang pada tempoh dahulu terhalang dengan keadaan geografi, namun saat ini dengan adanya jejaring yang semakin canggih tidak ada halangan lagi untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Oleh sebab itu, sukar mendapati komuniti yang benar-benar terisolasi untuk mengemaskini informasi, sehingga semuanya memiliki kesempatan yang sama dalam memperolehi informasi.

Terbukanya ruang awam dalam hal layak umum menjadikan adanya perbezaan di muka bumi semakin kelihatan. Kerananya, menanamkan sikap terbuka atas perbezaan dan keharusan menghormati pada masing-masing individu menjadi perihal yang sangat penting untuk meminimumkan terjadinya konflik. Realiti ragam perbezaan apabila tidak diimbangi dengan pola fikir yang bijak, maka akan terjadi perihal buruk yang tidak diinginkan bersama. Ragam perbezaan budaya, etnik, warna kulit, bahasa, dan keyakinan akan menjadi punca terjadinya konflik atas dasar kepentingan masing-masing pihak. Pluraliti yang semestinya dilihat dengan cara pandang positif justeru akan menjadi embrio terjadinya konflik.

Menyikapi ragam perbezaan yang ada dalam kehidupan bermasyarakat, Islam menilainya sebagai sebuah kudrat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sehingga ketetapan tersebut menjadi sebuah keniscayaan yang tidak boleh ditolak [1]. Dalam rangka mengimbangi adanya kemungkinan gejolak atas adanya perbezaan di dalam masyarakat, Islam telah menetapkan sebuah cara pandang yang inklusif, bertolak ansur, dan juga menghormati perbezaan-perbezaan yang ada [2]. Namun demikian bukan bererti perbezaan harus disamaratakan kebenarannya, kerana masing-masing individu ataupun kelompok memiliki keyakinan yang kebenarannya disesuaikan dengan keyakinan mereka [3].

Islam sebagai sebuah agama yang mengajarkan tentang ketuhanan yang maha esa, meski memiliki hujah bahawa yang terbaik dan paling benar, namun dalam doktrin Islam penghormatan terhadap keyakinan orang lain menjadi keharusan. Contohnya di Indonesia yang di dalamnya ada Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain, maka bagi umat muslim dilarang mengolok-olok keyakinan mereka. Indonesia sebagai sebuah negara yang di dalamnya memiliki ragam penduduk dengan perbezaan berpotensi munculnya konflik [4].

Adanya landasan yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi semua pihak dalam rangka kesamaan visi dan misi sebagai sebuah bangsa menjadi keharusan, dalam hal usaha untuk mewujudkan harmonisasi antara individu atau kelompok yang berbeza di Indonesia terdapat falsafah bernegara iaitu falsafah Pancasila. Selain perihal tersebut, Indonesia berpenduduk majoriti muslim, sehingga ketetapan yang dianggap final terkait keharusan terciptanya kedamaian dalam ragam perbezaan tentu bercorak ajaran-ajaran Islam sebagaimana yang tertera dalam falsafah negara republik Indonesia.

Dalam hal ini Abdul Halim Subahar menyatakan:

Indonesia yang memiliki penduduk yang sangat beragam sebenarnya mempunyai potensi besar untuk menjadi negara yang berkarakter, yakni masyarakat yang dengan keragaman budaya namun tetap solid dalam sebuah bingkai negara yang disebut-sebut dengan negara demokratis. Berdirinya Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) sejak tahun 17 Agustus 1945 merupakan prestasi besar yang dicapai oleh rakyat Indonesia dengan segala perjuangan yang dilandasi oleh rasa persaudaraan yang kuat tak pandang agama, ras, suku dan yang lainnya. Semua menyatu dalam persaudaraan yang universal [5].

Kajian dalam tema ini ialah mengungkap moderasi beragama perspektif hadis dalam rumusan Pancasila sebagai usaha mewujudkan kehidupan yang harmoni.

## 2. Objektif

Objektif kajian ini ialah tentang hadis-hadis yang di dalamnya mengisyaratkan tentang pentingnya moderasi beragama dalam kehidupan berbangsa bernegara, dalam sebuah wilayah yang di dalamnya terdapat ragam perbezaan. Sedangkan aktualisasi hadis moderasi beragama, khususnya di Indonesia terkandung dalam falsafah bernegara republik Indonesia seperti terkandung dalam rumusan Pancasila dengan basis rumusan yang merujuk kepada ajaran agama. Hadis sebagai sumber kedua di dalam Islam dijadikan objek utama kajian dan selanjutnya objek formal dalam kehidupan bernegara ialah pada rumusan Pancasila, sehingga dalam hal ini ini boleh difahami bahawa objek kajian adalah hadis-hadis moderasi dan juga rumusan Pancasila.

## 3. Metodologi Kajian

Pendekatan kajian ini ialah kualitatif dan bersifat kepustakaan, jenis penelitian yang digunakan dalam kajian ini adalah penelitian kepustakaan atau *library research*, iaitu penelitian yang dilakukan melalui pengumpulan data atau karya tulis ilmiah yang bertujuan dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat kepustakaan [6].

## 4. Data Kajian

Data-data dalam kajian ini ialah dirujuk pada kitab-kitab *mutun al-hadis* seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan lain-lain, syarah hadis, kitab tafsir dan juga kitab-kitab, buku, jurnal yang berhubungkait dengan judul dalam kajian ini.

## 5. Hadis Moderasi Beragama dalam Pancasila sebagai Usaha Mewujudkan Bangsa yang Harmoni

Moderasi merupakan perkara yang bertentangan daripada ekstremisme dan radikalisme. Sejak beberapa tahun lalu ia sangat popular dan menjadi bahan perbincangan dari pelbagai negara. Sikap moderasi bertujuan bagi mencipta kehidupan yang harmoni dalam bermasyarakat serta keseimbangan pada pola kehidupan bermasyarakat dan individual, sama ada dalam kehidupan berkeluarga maupun bermasyarakat. Dalam bahasa Arab, istilah moderasi disebut dengan *al-wasatiyyah* iaitu sikap tengah dan tidak berlebihan, Ibnu Asyur menegaskan, bahawa kata *al-wasath* didefinisikan menjadi dua makna iaitu secara etimologi memiliki erti sesuatu hal yang memiliki ukuran sama. Sedangkan secara terminologi merupakan dasar prosesnya nilai Islam secara lurus dan tidak dilebih-lebihkan [7].

Hadis atau juga boleh disebut dengan sunnah merupakan rujukan kedua selepas al-Quran [8]. Secara definitive hadis adalah segala hal yang bersumber dari Nabi Muhammad SAW, sama ada dalam aspek ucapan, perbuatan, ataupun ketetapannya [9]. Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah

SWT telah dijadikan sebagai rujukan dalam kehidupan di dunia, sebab segala aspek darinya selain bermuara pada wahyu, juga boleh dijadikan sebagai teladan terbaik [10].

Dalam konteks moderasi beragama, Nabi Muhammad SAW telah menggambarkannya dengan baik pada masa kehidupan beliau. Kehidupan yang awalnya penuh dengan pertikaian, di bawah kepemimpinannya berkahir dengan jalinan kasih persaudaraan, bahkan keadilan, keharmonian, dan terwujud dalam kehidupan majmuk di bawah kepimpinan beliau.

Indonesia sebagai sebuah negara yang di dalamnya terdapat ragam perbezaan, sama ada perbezaan etnik, budaya, bahasa, warna kulit, juga keyakinan memerlukan sebuah pedoman utama yang disepakati bersama untuk mengembangkan pola hidup saling menghargai. Tujuannya ialah agar perbezaan yang ada bukan menjadi sumber pertikaian, melainkan menjadi sumber kekayaan budaya. Untuk itu, dibentuk falsafah negara yang disebut dengan rumusan Pancasila. Rumusan tersebut merupakan usaha bersama demi tercapainya kehidupan yang harmoni.

### **5.1 Mengurai Falsafah Pancasila sebagai Refleksi Ajaran Islam**

Pancasila sebagai falsafah berbangsa dan bernegara di negara republik kesatuan Indonesia merupakan pedoman terpenting dalam kehidupan berbangsa yang di dalamnya terdapat ragam perbezaan. Pancasila merupakan refleksi kritis dan rasional dari masing-masing tokoh terkemuka, sebab dalam berbangsa dan bernegara diperlukan sebuah dasar yang kukuh demi terciptanya kehidupan yang harmoni [11].

Falsafah boleh membuka ruang lingkup pemikiran manusia sehingga boleh fleksibel tidak aku, mereka diberi peluang untuk boleh mengembangkan pola pikir wawasan dan sikap secara dinamik sehingga tidak kaku. Dalam menemukan kebenaran titik oleh sebab itu falsafah dapat dilaksanakan dengan cara membahas perihal kehidupan dan keperluannya seperti etika bersosial, membangun modernisasi, tenggang rasa, keadilan dan lain-lain [12].

Nursyam juga menegaskan bahawa Pancasila boleh memberi tempat yang mulia terhadap masing-masing individu yang mampu merealisasikan rumusan Pancasila dalam kehidupan berbangsa dan bernegara di Indonesia. Setidaknya ada beberapa hal yang boleh diungkap faedahnya tentang rumusan Pancasila diantaranya adalah, urgensi hak asasi manusia dalam kehidupan berbangsa dan bernegara penegakan dan menunaikan kewajiban dan hak masing-masing individu dalam aspek keyakinan dan juga kehidupan dalam berbangsa [13].

Tidak boleh dinafikan bahawa manusia telah diberi mandat besar oleh Allah SWT dalam melestarikan kehidupan di dunia. Dalam hal ini ini disebutkan di dalam surah al-Baqarah ayat 33-34 dengan sebuah istilah khalifah. Dalam doktrin Islam disebutkan bahawa manusia sebagai penduduk bumi memiliki mandat untuk boleh melestarikan kehidupan yang ada di dalamnya bahkan dalam undang-undang 23 tahun 1997 kesatuan ruang dengan semua benda daya keadaan dan makhluk hidup termasuk manusia dan perlakunya yang mempengaruhi kelangsungan perikehidupan dan kesejahteraan manusia serta makhluk hidup lain.

Dalam hal ini Hasibuan juga menyatakan bahawa manusia yang hidup di negara republik Indonesia memiliki potensi *lahiyah* bahkan boleh merealisasikan potensi ideologinya tersebut bermanfaat bagi seluruh bangsa.

Dalam konteks sosiologi, agama dinilai sebagai sebuah sistem keyakinan yang dimanifestasikan pada perilaku kehidupan sosial tertentu. Agama merupakan pengalaman umat manusia baik secara individu ataupun kelompok kerananya aktiviti tingkah laku manusia ialah selalu berkelindan dengan sebuah keyakinan dari ajaran masing-masing agama yang diyakini. Aktiviti masing-masing individu ialah didorong oleh kekuatan potensi yang ada di dalam diri mereka yang potensi tersebut didasarkan pada ada ajaran-ajaran dalam agama.

## 5.2 Rumusan-Rumusan Pancasila

### a. Sila Pertama Sebagai Pondasi Tingkah Laku Manusia

Berangkat dari sila pertama ketuhanan yang maha esa. Bermakna bahawa seluruh rakyat Indonesia memiliki keharusan berkeyakinan atas agama yang dipeluknya masing-masing. Ketuhanan yang maha esa menjadi simbol, bahawa dalam kehidupan bernegara khususnya di Indonesia harus memiliki ideologi dalam agama dan terbatas hanya beberapa agama.

Penekanan sila pertama dengan basis ketuhanan yang maha esa menunjukkan, bahawa keimanan dalam hal ini menjadi perihal penting untuk ditanamkan dalam hati mereka masing-masing. Sebab keimanan menjadi modal utama dalam mewujudkan perilaku positif dalam kehidupan masing-masing individu. Meminjam bahasa Qutb, bahawa mereka yang beriman dan yang mampu melakukan keimanan dalam aktiviti sehari-hari mereka disebut dengan orang yang soleh [14].

Model keimanan khususnya dalam doktrin Islam ialah berbasis *ghaybiyyat*. Sebuah informasi terkait pencipta dan yang dicipta bahkan proses penciptaan ialah sesuatu yang bersifat abstrak dalam kaca mata kemanusiaan. Namun demikian semua boleh dibuktikan dengan realiti informasi-informasi yang telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW [15].

Keyakinan dalam konteks keimanan menjadi perihal yang sangat *urgent* dalam kehidupan umat manusia khususnya mereka yang beragama. Sebab poros utama kebaikan seseorang ialah atas dasar dorongan yang ada ada pada masing-masing hati seseorang, dorongan yang positif berimplikasi pada aktualisasi perilaku dalam kehidupan bermasyarakat sesuai dengan ketetapan dalam norma-norma agama. Sedangkan norma-norma agama diyakini sebagai hukum-hukum yang wajib dilaksanakan bagi segenap individu untuk mewujudkan kebaikan bersama dalam kehidupan bermasyarakat.

Kalangan ulama menegaskan tentang keyakinan dengan istilah usuluddin, sebuah istilah yang mengacu pada pondasi beragama masing-masing individu. Isyarat yang digambarkan ulama terkait pentingnya keimanan ialah diibaratkan kayu yang kukuh menjulang ke atas.

Dalam hal ini Ibn Qayyim berkata [16]:

"الْإِخْلَاصُ وَالتَّوْحِيدُ شَجَرَةٌ فِي الْقَلْبِ فُرُوْعُهَا الْأَعْمَالُ، وَثُمُرُّهَا طِينُ الْحَيَاةِ فِي الدُّنْيَا"

Maksudnya: "Tulus ikhlas dan keyakinan bagai pohon yang tumbuh di hati, sedangkan perilaku manusia ibarat ranting-rantingnya, kebaikan perilaku manusia ibarat buahnya di kehidupan dunia."

Rasulullah SAW menegaskan tentang potensi keimanan dalam kehidupan sosial iaitu bahawa ketika seseorang menyatakan dirinya beriman seluruh potensi yang muncul dalam kehidupannya ialah bermuara pada ketakwaan kepada Allah SWT, sehingga yang muncul dalam kehidupannya ialah sesuatu yang bermanfaat.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْإِيمَانُ يُضْعُفُ وَسَبْعُونَ، أَوْ يُضْعُفُ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الْطَّرِيقِ، وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ"

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Iman itu ada tujuh puluh cabang lebih, atau enam puluh cabang lebih. Yang paling utama iaitu perkataan *laa ilaaha illallah*, dan yang paling ringan iaitu menyingkirkan gangguan dari jalan. Dan malu itu termasuk bahagian dari iman" [17].

b. Sila Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima Sebagai Refleksi Kehidupan Berbangsa

Sila kedua, ketiga, keempat dan kelima merupakan rumusan-rumusan yang bertujuan untuk meningkatkan aktiviti kehidupan bermasyarakat dalam ragam kehidupan majmuk. Isi daripada beberapa sila tersebut ialah kemanusiaan yang adil dan beradab, persatuan Indonesia, kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dalam permusuhan perwakilan, dan sila kelima keadilan bagi seluruh rakyat Indonesia. Beberapa sila sebagaimana disebutkan di atas ialah bertujuan untuk menjadikan kehidupan majmuk ialah bersesuaian dengan falsafah penciptaan manusia itu sendiri.

Sebagai makhluk sosial, Allah SWT telah menetapkan manusia memiliki fitrah untuk boleh hidup secara harmoni, sebab kehidupan tersebut akan menjadi kunci kelestarian umat manusia. Tidak sedikit ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Quran berkait tugas utama umat manusia, bahkan contoh yang pernah dilakukan dan diberikan oleh Nabi Muhammad SAW terhadap umat manusia [18] telah menunjukkan tentang perihal urgensi keharusan menjaga melestarikan kehidupan manusia dengan cara saling menghargai, dan menempatkan manusia dengan posisi yang cukup mulia [19].

Dalam sebuah istilah *al-musawah* disematkan, bahawa manusia ialah tidak ada keutamaan dan kemuliaan bagi mereka atas dasar etnik, bahasa dan budaya, akan tetapi kemuliaan mereka ditetapkan oleh Allah SWT pada aspek kesalahan perilaku mereka dalam kehidupan sehari-hari [20]. Multikulturalisme dalam kehidupan majmuk menjadi sebuah keniscayaan, oleh sebab itu menjadikan ragam perbezaan tersebut sebagai sebuah kekayaan dan kuasa Allah SWT dalam mencipta makhluk di muka bumi menjadi penting untuk ditanamkan pada masing-masing individu dalam rangka menjadikan manusia mulia dalam aspek penciptaannya.

Namun demikian terkadang adanya kepentingan dari masing-masing individu ataupun kelompok menjadikan mereka lalai atas pentingnya bersikap tolak ansur terhadap perbezaan yang ada di sekitar mereka sehingga muncul pertikaian atau konflik sebagai dampak dari kepentingan mereka. Rumusan-rumusan yang terdapat dalam Pancasila mulai dari bagaimana membingkai masyarakat sedar tentang adanya perbezaan pentingnya bersikap tenggang rasa keharusan berkeadilan dan pentingnya sebuah kepemimpinan yang bijak untuk memutuskan sebuah hukum sebagai landasan bersama untuk kemaslahatan bersama.

Untuk mewujudkan moderasi beragama dalam kehidupan bermasyarakat terdapat beberapa rumusan agar hal itu terwujud di antara prinsip-prinsip yang harus terwujud ialah:

i. Prinsip pluralitas

Menanamkan kesedaran bahawa dalam kehidupan majmuk pasti ada perbezaan pada beragam aspek, seperti perbezaan etnik budaya bahasa, bahkan keyakinan. Adanya perbezaan dalam perihal kehidupan bersama tersebut tidak diperkenankan menjadi sebuah alasan untuk saling mengejek meremehkan antara yang satu dengan yang lain. Asas yang paling utama untuk ditanamkan pada pemeluk agama khususnya para muslim ialah bahawa adanya perbezaan itu adalah fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sehingga menghormati perbezaan bererti menghormati ketetapan daripada Allah SWT. Menjadi sebuah keniscayaan bagi manusia agar tetap berperilaku baik terhadap siapa sahaja yang ada di sekitar mereka tanpa melihat perbezaan-perbezaan yang ada. Apabila prinsip pluralitas tertanam dengan baik pada individu ataupun kelompok, nescaya kehidupan yang terjadi dalam sebuah wilayah ialah kehidupan yang harmoni di mana antara yang satu dengan yang lain saling menghormati, tolong-menolong dan saling melindungi.

ii. Prinsip keadilan sosial

Embrio terjadinya konflik tidak sedikit sebagai dampak dari adanya kebijakan yang tidak adil ketidakadilan akan menanamkan potensi-potensi pertikaian kepada masing-masing pihak yang merasa terzalimi, adanya unsur dendam dan ketidakpuasan akan menjadi sumber terjadinya pertikaian.

### iii. Kepemimpinan yang bijak

Pemimpin yang ideal dalam sebuah daerah menempati posisi yang cukup *urgent* dalam mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang harmoni. Adanya kebijakan dari seorang pemimpin dengan didasarkan pada kemaslahatan bersama menjadi point tersendiri mewujudkan kehidupan sosial yang harmoni, sebab itu seorang pemimpin adalah sosok yang dimiliki oleh semua masyarakat yang berada di bawah kendalinya tidak ada sekat bagi dia untuk membuat kebijakan atas dasar etnik bahasa ataupun budaya. Sebuah kebijakan yang didasarkan pada kepentingan keinginan atau ambisi peribadi akan berdampak pada ada kerugian pada pihak-pihak tertentu, sehingga akan terjadi sebuah ketimpangan dalam kehidupan penduduk yang berada di bawah kendalinya.

## 5.3 Hadis Moderasi Beragama dan Usaha Kehidupan yang Harmoni

Manusia secara *sunnatullah* memerlukan kehidupan yang damai. Fitrah tersebut telah ditanamkan oleh Allah SWT pada diri mereka semenjak ia ditakdirkan hidup di muka bumi. Adanya fitrah untuk selalu hidup dengan damai beriringan dengan fitrah agama, iaitu agama Islam. Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah ar-Rum ayat 30 menegaskan bahawa:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ  
الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

Ayat di atas memiliki kesesuaian dengan fitrah manusia dan tujuan diturunkan agama Islam. Agama Islam memiliki ciri khas *rahmatan lil 'alamin*, agama yang diturunkan sebagai bentuk kasih sayang dari Allah SWT. Demikian juga, tentang nama ‘Islam’, nama tersebut erat kaitannya dengan motivasi agar umat manusia membentangkan kedamaian. Rasulullah SAW sebagai pembawa pesan disebut *rahmatan lil 'alamin*, sebagaimana dalam surah al-Anbiya’ ayat 107 iaitu sebuah karakter manusiawi yang dimunculkan oleh Allah SWT di hati seorang rasul untuk membawa mandat agung risalah *ilahiyyah*, sebab dengan karakter itulah dakwah Islam akan lebih efektif.

Dalam mewujudkan moderasi beragama dalam kehidupan yang plural, terdapat beberapa hadis yang boleh dijadikan sebagai rujukan, di antaranya ialah sabda Rasulullah SAW tentang toleransi sebagaimana berikut [21]:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي حَدَّثَنِي يَزِيدُ بْنُ إِسْحَاقَ عَنْ دَاؤِدَ بْنِ الْحُصَيْنِ  
عَنْ عَكْرَمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قِيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَدِيَانَ أَحَبُّ  
إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَنِيفِيَّةُ السَّمَحَةُ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abdillah, telah menceritakan kepada saya Abi telah menceritakan kepada saya Yazid, dia berkata; telah mengabarkan kepada kami Muhammad bin Ishaq dari Dawud bin Al Hushain dari Ikrimah dari Ibnu 'Abbas, ia berkata: Ditanyakan kepada Rasulullah SAW, “Agama manakah yang paling dicintai oleh Allah?” maka beliau bersabda: “*al-hanifiyyah as-samhah* (yang lurus lagi toleran)”.

Agama yang lurus mewakili adanya keharusan bagi pemeluk agama agar tetap konsekuensi atas ajaran-ajaran yang ada dalam agama tersebut, iaitu dengan tidak mencampur aduk antara ajaran yang ada dalam agama dengan perihal lain, sehingga menjadikan agama rosak dan tidak sesuai dengan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW sebagai sebuah konsekuensi atas kesetiaan atas ajaran agama maka akan berdampak pada perilaku positif yang tidak menimbulkan kerugian dan kemudaratian.

Toleransi dalam berbagai ragam perbezaan menjadi inti kebutuhan dalam kehidupan pluralis. Demikian ini bererti individu yang baik ialah mereka yang mampu menempatkan kebenaran dalam porsinya masing-masing. Perbezaan yang sudah menjadi ketetapan Allah SWT tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan untuk meremehkan yang lain, bahkan menjadi seorang yang selalu menghormati perbezaan tersebut. Istilah *samhah* dalam hadis di atas menunjukkan tentang keperluan saling menghormati atas adanya perbezaan, sebab demikian ini yang akan menjadi sumber perdamaian. Manakala perdamaian tercipta dalam kehidupan umat manusia, maka inilah tujuan utama diturunkannya agama Islam, iaitu disesuaikan dengan namanya Islam, dengan akar kata *al-salam* dengan makna damai.

Secara umum, penilaian agama Islam yang telah tercatat dalam al-Quran ataupun al-Sunnah, terhadap agama lain ialah bersifat inklusif. Demikian ini dapat diketahui dari nilai dan ajarannya yang memberikan peluang sekaligus memotivasi umatnya untuk dapat melakukan interaksi sosial dan kerjasama dengan pemeluk agama lain.

Farid Esack [22] menunjukkan beberapa bukti tentang keterbukaan agama Islam terhadap agama-agama lain. Di antara bukti-bukti yang diangkat olehnya adalah istilah *Ahl al-Kitab* yang terkandung di dalam al-Quran. Istilah *Ahl al-Kitab* menunjukkan para pengikut Isa al-Masih. Mereka mengajarkan tentang keesaan Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun ayat 52:

وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مَّوْجَدَةٌ وَأَنَا رَبُّكُمْ فَلَتَقُولُونَ

Maksudnya: “Sungguh (agama tauhid) ini, adalah agama kamu semua, agama yang satu, dan Aku adalah Tuhanmu, maka bertakwalah kepada-Ku”.

Selanjutnya ialah hadis tentang keadilan sosial bagi seluruh rakyat dibawah sebuah kepemimpinan. Rasulullah SAW menegaskan bahawa kehancuran sebuah kaum ialah disebabkan adanya ketidakadilan dalam menegakkan hukum, sebagaimana dalam sabda Rasulullah SAW berikut [23]:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أُسَامَةَ كَلَّمَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي امْرَأَةٍ فَقَالَ إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا يُقِيمُونَ الْحَدَّ عَلَى الْوَضِيعِ وَيَرْكُونَ الشَّرِيفَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ قَطَعْتُ ذَلِكَ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abul Walid telah menceritakan kepada kami Al Laits dari Ibn Syihab dari 'Urwah dari Aisyah, bahawa Usamah pernah mengajak Nabi SAW berdialog untuk memberi keringanan terhadap seorang wanita, maka Nabi SAW bersabda: “Bahwasanya telah binasa orang-orang sebelum, mereka menegakkan hukuman kepada orang-orang yang lemah, dan meninggalkan hukuman bagi orang bangsawan, Demi Dzat yang jiwaku berada di tangan-Nya, jika Fatimah melakukan hal itu, aku potong tangannya”. (HR. Bukhari)

Konteks hadis di atas adalah kes pencurian yang dilakukan oleh seorang wanita daripada golongan Bani Makhzum, yang bernama Fatimah binti al-Aswad. Kes itu terjadi dalam perperangan penaklukan Makkah. Kelompok Quraisy memiliki keinginan agar perbuatan Fatimah binti al-Aswad dimaafkan (diampuni). Seorang di antara mereka, iaitu Mas'ud ibn al-Aswad mengemukakan pendapatnya, bahawa tidak ada seorang pun yang berani menemui Rasulullah SAW untuk meminta pengampunan atas kes tersebut selain Usamah Ibn Zaid seorang sahabat yang disayangi Rasul. Mereka tahu, bahawa Nabi Muhammad SAW selalu tegas dan keras dalam melaksanakan hukum Allah SWT. Rasul dengan tegas menolak permohonan itu, bahkan Nabi menjadikan Fatimah puterinya sebagai contoh dalam menegakkan sebuah hukum [24]. Ketegasan Rasulullah SAW dalam menegakkan

hukum, dan tidak adanya diskriminasi terhadap pelaku kejahatan menunjukkan bahawa keadilan adalah segala-galanya, khususnya dalam kehidupan bermasyarakat. Menegakkan keadilan dalam kehidupan bermasyarakat bererti telah menjunjung tinggi hak asasi manusia, sebab dengan terwujudnya keadilan dan tiadanya tindak diskriminasi meniscayakan sebuah kondisi aman dan tertib dalam kehidupan sosial. Sebaliknya, diskriminasi dalam penegakan hukum akan menjadi embrio terjadinya konflik.

Keadilan politik bererti memberikan jaminan pemberlakuan hak asasi manusia dalam pengertian yang seluas-luasnya secara transparan. Keadilan ekonomi bererti memberikan hak usaha yang sama kepada semua orang. Sedangkan keadilan sosial adalah menempatkan semua anggota masyarakat pada posisi yang sama.

Apabila semangat keadilan sosial itu muncul dalam hati setiap manusia, maka akan tercapailah kesejahteraan masyarakat. Agama Islam sebagai agama majoriti bagi penduduk Indonesia memiliki peran penting dalam tercapainya suatu keadilan, sebab inti dalam ajaran Islam ialah menebarkan kasih dan sayang kepada seluruh alam semesta. Di antara bukti yang sering dijadikan sebagai pedoman untuk menunjukkan bahawa ajaran Islam bersifat *rahmatan lil 'alamin* ialah pada masa kepimpinan Rasulullah SAW yang dikenal dengan Piagam Madinah. Pada masa itu seluruh komuniti yang hidup di bawah kepimpinan Rasulullah SAW mendapatkan perlindungan, dan keadilan langsung daripada Rasulullah SAW.

Serangkaian sejarah yang mampu menebarkan sifat rahmat dari Allah SWT menjadi sebuah bukti bahawa agama Islam merupakan agama yang mampu menjunjung tinggi hak asasi manusia, bahkan keadilan pada masa-masa kepimpinan Rasulullah SAW direalisasikan dengan baik. Oleh kerana itu, sebahagian pemikir memiliki pandangan bahawa keadilan tidak akan pernah terwujud dengan sempurna apabila formulasi hukumnya tidak lagi disandarkan kepada al-Quran, sebab al-Quran merupakan supremasi hukum tertinggi yang bertujuan mewujudkan kemaslahatan seluruh umat manusia.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُلُّكُمْ رَاعٍ  
وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ  
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْخَادِمُ رَاعٍ  
فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: Diriwayatkan dari Ibn Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Kalian semua adalah pemimpin yang bertanggungjawab atasnya. Penguasa adalah pemimpin dan akan dimintai pertanggungjawaban atasnya, suami bertanggungjawab atas isteri dan anak yang menjadi tanggungjawabnya, seorang isteri akan dimintai pertanggungjawaban atas rumah suaminya, pelayan juga akan dimintai pertanggungjawaban atas pengolahan harta tuannya. Kerananya, kalian semua adalah pemimpin yang akan bertanggungjawab atas kepemimpinannya” [25].

Tanggungjawab seorang pemimpin sangatlah besar, sebab kehidupan ideal dalam kehidupan masyarakat ialah bergantung kepiawaian sosok pemimpin. Maka Rasulullah SAW adalah sosok pemimpin yang paling ideal, sebab dengan kebijakannya kehidupan masyarakat yang sebelumnya kacau balau menjadi sebuah kehidupan yang aman dan mententeramkan. Oleh sebab itu, sosok pemimpin diharuskan bagi mereka bersikap adil dalam pelbagai hal.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَبْعَةُ يُظْلَاهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا  
ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ وَرَجُلٌ قُلْبُهُ مُعْلَقٌ فِي الْمَسَاجِدِ  
وَرَجُلٌ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ

وَجَمَالٌ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّىٰ لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ  
وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًّا فَقَاضَتْ عَيْنَاهُ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW beliau bersabda: “Ada tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT pada hari yang tiada naungan kecuali naungan-Nya, iaitu: pemimpin yang adil, pemuda yang senantiasa beribadah kepada Allah Taala, seseorang yang hatinya sentiasa digantungkan (dipertautkan) dengan masjid, dua orang saling mencintai kerana Allah, yang keduanya berkumpul dan berpisah keranaNya. Seorang laki-laki yang ketika diajak [dirayu] oleh seorang wanita bangsawan yang cantik lalu ia menjawab: “Sesungguhnya saya takut kepada Allah.” Seorang yang mengeluarkan sedekah sedang ia merahsiakannya, sampai-sampai tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberikan oleh tangan kanannya dan seseorang yang mengingat Allah di tempat yang sepi sampai menitiskan air mata” [26].

Beberapa hadis sebagaimana di atas tidak secara literal menjelaskan tentang moderasi beragama. Hanya saja, beberapa prinsip atau nilai-nilai yang ada pada beberapa hadis di atas mengisyaratkan tentang konsep moderasi beragama, iaitu tentang keharusan bersikap terbuka atas perbezaan, keadilan, dan kepemimpinan yang ideal. Sama halnya dengan prinsip-prinsip yang ada pada butir-butir pada rumusan Pancasila yang secara menyeluruh menjadi sebuah prinsip terciptanya moderasi beragama.

## 6. Kesimpulan

Pancasila sebagai falsafah bernegara republik kesatuan Indonesia bertujuan mewujudkan kehidupan yang harmoni dalam kehidupan yang plural. Hadis-hadis yang didalamnya menguraikan prinsip bermasyarakat turut berkontribusi lahirnya asas-asas Pancasila sebagai falsafah negara sebagai usaha terciptanya moderasi beragama.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

## Rujukan

- [1] A. Mukti Ali, “Ilmu Perbandingan Agama, Dialog, Dakwah dan Misi”, dalam Burhanuddin Daja dan Herman Leonard Beck (red.), Ilmu Perbandingan Agama di Indonesia dan Belanda. Jakarta: INIS, 1992
- [2] Esack, Farid, Qur'an, Liberation, and Pluralism, Diterjemahkan oleh: Watung A. Budiman, Bandung: Mizan, 2000
- [3] Anis Malik Thoha, Tren Pluralisme Agama, Tinjauan Kritis. Jakarta: Perspektif, 2005
- [4] Marcel A. Boisard, Humanisme dalam Islam. Jakarta: Bulan Bintang, 1980
- [5] Abdul Halim, “Budaya Perdamaian Dalam alQuran”, Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis, Vol. 15, No. 1, 2014
- [6] Anwar Sanusi, Metodologi Penelitian Bisnis. Jakarta: Salemba Empat, 2016
- [7] Ibnu, Asyur, at-Tahrir wa at-Tanwir. Tunis: Ad-Dar Tunisiyyah, 1984
- [8] Muhammad bin Ismail Abu Abdillah al-Bukhari, Shahih al-Bukhari. Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987

- [9] Muhammad Ujjaj al-Khatiby, *as-Sunnah Qabla at-Tadwin*. Kairo: Maktabah Wahbah, 1988
- [10] Alwi Syihab, *Nilai-Nilai Pluralisme dalam Islam*. Bandung: Nuansa, 2005
- [11] Kaelan. *Filsafat Pancasila sebagai Filsafat Bangsa Negara Indonesia*. Makalah pada Kursus Calon Dosen Pendidikan Kewarganegaraan, Jakarta, 2005
- [12] Poespowardjo es, *Filsafat Pancasila Sebuah Pendekatan Sosial Budaya*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama Jakarta, 1994
- [13] Nursam hm 2009 sistem filsafat Pancasila sebagai sistem kenegaraan Pancasila UUD proklamasi 45 kongres Pancasila diselenggarakan pusat studi Pancasila tanggal 30 Mei 1 Juni 2009 di Universitas Gadjah Mada Yogyakarta.
- [14] Muhammad Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i Atas Berbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan, 1994
- [15] Abu Bakar Ahmad bin al-Husain al-Bayhaqi, *Shu'bu al-Iman*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1410.
- [16] Ibn al-Qayyim, *Al-Fawaid*. Dar Al-Bayan, t.p: 1407
- [17] Muslim bin al-Hujaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naysaburi, *Shahih Muslim*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Ihya, t.t
- [18] Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Katsr, Abu Jaafar. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Vol. 4. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1420
- [19] Abdurrahman bin Nasir bin al-Sudi, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsiri Kalam al-Mannan*. Vol. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1420
- [20] Abu Muhammad bin al-Husain bin Masud al-Baghawi, *Maalim al-Tanzil*. Vol. 7. Beirut: Dar al-Thaybah, 1417
- [21] Ahmad bin Hanbal Abu Abdillah al-Syaibani, *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Vol. 1. Beirut: Jam'iyyah, 2010
- [22] Esack, Farid, *Quran, Liberation, and Pluralism*, Diterjemahkan oleh: Watung A. Budiman. Bandung: Mizan, 2000
- [23] Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdillah al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*. Vol. 8. Beirut: Dar al-Thauq al-Najah, 1422
- [24] Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. *Koleksi Hadits-Hadits Hukum*. Jilid 4. Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2011
- [25] Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdillah al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*. Vol. 2. Beirut: Dar al-Thauq al-Najah, 1422
- [26] Muslim bin al-Hujaj Abu al-Hasan al-Qusyairi, *Shahih Muslim*. Vol. 2. Riyadh: Dar Thayyibah.